



BULETIN UNIT PENGAWASAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Bil 4/2018

OKTOBER - DISEMBER 2018

PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan adalah berorientasikan strategi jangka panjang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mengawal pencemaran dan pemuliharaan alam sekitar. Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran, kem kesedaran alam sekitar (KeKAS), bengkel alam sekitar, penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak iaitu risalah-risalah serta media elektronik. Perkhidmatan Pusat Sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam.

(Sumber dari Laporan Tahunan)

Pencapaian bulan Oktober – Disember adalah seperti berikut:-

Kategori	Okt	Nov	Dis
PENDIDIKAN			
Ceramah	6	3	
Pameran	4	2	
KeKAS			
Hari Ozon			
Hari Bumi			
Hari Alam Sekitar Sedunia			
HASN	1		
Kolokium (dalaman Jabatan)			
Taklimat (melibatkan pihak luar)			
RAS			
Tabika			
SLASS			

Kategori	Okt	Nov	Dis
Lawatan ke JAS			
Aktiviti Kesedaran lain (Anjuran agensi lain)			
Borang RAS (kemaskini dalam sistem)	77	230	0
PENGAWASAN			
Bunyi Bising Ambien			
Air Bawah Tanah	1	1	
Air Marin			

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan dari Oktober – Disember 2018.

Aktiviti	Tarikh
Ceramah Sayangi Alam Sekitar di Politeknik Kuching Sarawak	5/10
Ceramah dan Pameran Kempen Safety Month 2018 di Kumpulan Cahaya Mata Sarawak	9/10
Ceramah Environmental Awareness Sempena HSE Week 2018 di Sarawak Energy Bhd.	17/10
Pameran Sempena 'The Alliance For Healthy Cities (AFHC) Global Conference & General Assembly 2018 di BCCK anjuran Unit Perancangan Negeri	16-19/10
Ceramah dan Pameran- Program Pendidikan Keselamatan & Kebersihan Sungai anjuran Lembaga Sungai-Sungai Sarawak di SMK Sebuyau	10./10
Ceramah dan Pameran- Program Pendidikan Keselamatan & Kebersihan Sungai anjuran Lembaga Sungai-Sungai Sarawak di SMK Sematan	17/10

Aktiviti	Tarikh		
Program Envirorun & Aerobathon	21/10	Ceramah dan Pameran – Program Pendidikan Keselamatan & Kebersihan Sungai anjuran Lembaga Sungai-Sungai Sarawak di SK Sambir, Kampung Sambir	13/11
Ceramah – Program Pendidikan Keselamatan & Kebersihan Sungai anjuran Lembaga Sungai-Sungai Sarawak di SMK Matu Baru, Bintawa	30/10	Pameran Conference Better Air Quality (BAQ) 2018	14-16/11
Pengawasan ABT 3/2018	29-31/10	Ceramah – Lawatan Pembelajaran oleh UNIMAS, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	22/11
Ceramah – Lawatan Pembelajaran oleh ILKMM Kuching (Kesihatan Awam)	1/11	Pengawasan ABT 4/2018	27-28/11

PROGRAM ENVIRORUN DAN AEROBATHON 2018

Program Envirorun dan Aerobathon telah diadakan pada 21 Oktober 2018 (Ahad) bertempat di Mydin Petra Jaya. Tujuan program ini adalah sebagai salah satu medium bagi kempen kesedaran perlindungan alam sekitar dan mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*). Selain itu program ini juga untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai pengurangan penggunaan plastik dan amalan kitar semula bagi memelihara alam sekitar. Malaysia menyertai 60 buah negara bagi mewujudkan pelan dan rangka pengawalan penggunaan '*single use plastics*'. Lebih kurang 800 orang peserta terdiri daripada pelbagai peringkat umur menyertai program *envirorun dan aerobathon ini*.

Program Envirorun melibatkan 2 *route* iaitu jarak 7 km dan 3 km, manakala jumlah penyertaan program aerobathon adalah seramai 85 orang diwakili oleh 17 kumpulan. Tetamu kehormat bagi program ini adalah Encik Mohd Hidzir Bin Bakar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Encik Marconi Madai, Vice President, Health, Safety, Security & Environment, Sarawak Energy Bhd. Antara aktiviti sampingan lain adalah pemberian anak pokok cabutan bertuah dan senamrobik

GAMBAR PROGRAM ENVIORUN DAN AEROBATHON TAHUN 2018



GAMBAR PROGRAM ENVIORUN DAN AEROBATHON TAHUN 2018

